AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



**PENGUNJUNG tempatan melakukan aktiviti air di Pulau Langkawi selepas kerajaan membenarkan pergerakan rentas negeri dan daerah.** – SHAHIR NOORDIN

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 1,925 |
| **Import: 10 Tempatan: 1,915** | |
| Pulih | 1,123 |
| Kematian | 2 |
| Masih dirawat | 21,443 |
| Jumlah kes sembuh | 86,715 |
| Jumlah Kematian | 457 |
| **Jumlah kes keseluruhan** | **108,615** |

# Kes Covid-19 di Pahang melonjak

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

**PUTRAJAYA** – Pahang mencatatkan peningkatan kes mendadak selepas salah satu daripada sembilan kluster baharu yang dikesan semalam iaitu Kluster Tembok Mempaga melaporkan sebanyak 282 kes menjadikan jumlah penularan harian di negeri itu sebanyak 288.

Kes positif pertama di Kluster Tembok Mempaga yang melibatkan daerah Bentong iaitu kes ke-97,373 mula dikesan pada 22 Disember lalu melalui saringan tahanan dengan jumlah dikesan positif sebanyak 284 hasil saringan ke atas 504 individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor terus mendahului kes harian tertinggi iaitu 747 kes yang mana 625 kes adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontrak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan diikuti Kuala Lumpur (360) dan Pahang (288).

"Sebanyak 50 kluster melaporkan pertambahan kes dengan kes baharu tertinggi adalah di Kluster Tembok Mempaga (282 kes), Kluster Seri Lanang (168) dan Kluster Tapak Bina Lebuh (125).

"Angka kes jangkitan juga disumbangkan daripada lapan kluster baharu yang dilaporkan semalam iaitu Kluster Seri Lanang dengan 173 kes positif membabitkan tempat kerja di Klang, Gombak, Kuala Selangor dan Petaling di Selangor," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, kluster lain adalah Kluster Jalan Chu di Lembah Pantai dengan 44 kes positif dan Kluster Tapak Bina Awan Puteh yang juga di Lembah Pantai dengan 29 kes positif.

"Kluster Integra Ikon iaitu kluster tempat kerja melibatkan daerah Titiwangsa, Kuala Lumpur melaporkan sebanyak 11 kes positif, manakala Kluster Jalan Satang pula dilaporkan di Titiwangsa, Kepong, Hulu Langat, Petaling, Gombak dan Bentong dengan 30 kes positif.

"Selain itu, Kluster Timbang Dayang di Kota Belud, Sabah pula melaporkan 13 kes positif.

"Kluster lain termasuk Kluster Teguli yang dikesan di Putatan, Sabah dengan 12 kes positif dan Kluster Rambai membabitkan daerah Melaka Tengah, Alor Gajah, Petaling dan Rembau dengan 16 kes dilaporkan," katanya.

Katanya, Kluster Bot Biru, Kluster Gedong, dan Kluster Jernih diisytihar tamat menjadikan sebanyak 278 kluster ditamatkan setakat ini.

Pada masa sama, Noor Hisham berkata, dua kematian direkodkan semalam membabitkan seorang lelaki berusia 65 tahun iaitu kes ke-456 di Hospital Sungai Buloh yang mempunyai sejarah penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung dan strok.

"Mangsa ke-457 pula membabitkan wanita warga emas berusia 68 tahun yang meninggal dunia di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu dan mempunyai pelbagai komplikasi penyakit," katanya.

# Terkejut wujud Kluster Pintu Geng

**KOTA BHARU** – Rata-rata penduduk yang tinggal di Kampung Pintu Geng di sini terkejut dengan penularan Covid-19 melalui Kluster Pintu Geng di situ kelmarin.

Lebih membimbangkan, banyak kedai makan di kampung itu menjadi tumpuan penduduk sekitar yang tidak diketahui status kesihatan mereka.

Tinjauan *Kosmo!* di sekitar Kampung Pintu Geng mendapati penduduk mula berkurung di dalam rumah masing-masing selepas melihat beberapa buah van Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan di kawasan belakang dewan futsal dipercayai mengambil beberapa penduduk yang positif Covid-19 pada Ahad lalu.

Seorang peniaga kedai makan, Suria Salleh, 49, berkata, dia mengetahui kewujudan Kluster Pintu Geng di kawasan itu melalui media sosial kelmarin.

"Saya terpaksa membuka perniagaan seperti biasa kerana pendapatan harian bergantung kepada kehadiran pelanggan ke kedai. Bagaimanapun, saya tetap berjaga-jaga ketika bertemu pelanggan.

"Saya dan keluarga meminta pelanggan supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti memeriksa suhu dan memakai cecair pembasmi kuman ketika masuk ke dalam kedai," katanya ketika ditemui semalam.

Kluster Pintu Geng membabitkan daerah Kota Bharu dengan kes indeks dikesan pada 25 Disember lalu melalui saringan individu bergejala sebelum 21 kes lagi dikesan positif.

# PKPD di Pusat Koreksional Kamunting

**PETALING JAYA** – Kerajaan semalam mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pusat Koreksional Kamunting (Kemta) Taiping, Perak susulan peningkatan kes positif Covid-19 di fasiliti berkenaan.



**ISMAIL SABRI**

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sehingga 24 Disember lalu, sebanyak 1,490 saringan telah dilaksanakan terhadap tahanan di fasiliti berkenaan dan daripada jumlah itu seramai 50 individu telah didapati positif Covid-19.

"Susulan itu, kerajaan berpandukan nasihat serta penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan (KKM) telah bersetuju untuk melaksanakan PKPD di Kemta berserta kuarters bermula 30 Disember sehingga 12 Januari 2021.

"Pelaksanaan PKPD ini bertujuan untuk mengawal kluster sedia ada dan menghalang penularan kepada banduan lain, kakitangan, ahli keluarga serta komuniti di luar Kemta," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Dalam perkembangan berasingan, Ismail Sabri berkata, sejak 24 Disember lalu seramai 3,728 individu telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan ditempatkan di 75 hotel serta 17 Institut Latihan Awam seluruh negara.

"Daripada jumlah tersebut, seramai 7,518 sedang menjalani proses kuarantin wajib manakala 540 telah dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan manakala 85,670 pula telah dibenarkan pulang.

"Mereka yang menjalani kuarantin wajib ini telah pulang dari 36 negara antaranya Filipina, Thailand, Indonesia, Kemboja, Singapura, Vietnam, Brunei, Laos dan Qatar," katanya.

Dalam pada itu, katanya, seramai 142 individu telah ditahan dan dikompaun di atas pelbagai kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerusi Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) kelmarin.